
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HKN 208 – Puisi Melayu dan Indonesia Modern

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Sekurang-kurangnya **SATU** soalan dari Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A

- I. Walaupun puisi Melayu moden telah berkembang sekitar tahun 1930-an, namun hanya pada tahun 1950-an bentuk sajak telah menjadi medium seni yang popular khususnya bagi pengucapan bersifat peribadi dan kemasyarakatan. Bincangkan pernyataan di atas.

2. Dalam menghasilkan sajak-sajak, kembara telah menjadi sumber ilham bagi Muhammad Haji Salleh dan Latiff Mohidin. Bincangkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan sajak-sajak yang bertemakan kembara dari kedua-dua pengarang tersebut.

3. Siti Zainon Ismail dapat dianggap penulis utama di antara penyajak-penyajak wanita Melayu, bukan sahaja disebabkan oleh keberterusan kepenyairannya tetapi juga oleh kebernasaran hasil-hasilnya. Dengan contoh-contoh yang jelas bincangkan pernyataan ini.
4. Sehingga kini puisi Melayu baharu telah jauh meninggalkan ciri-ciri tradisionalnya, namun masih wujud sajak-sajak yang menghidupkan unsur-unsur tradisional secara kreatif. Dengan contoh-contoh yang jelas perlihatkan kebenaran pernyataan ini.

Bahagian B

5. Angkatan 45 jauh melangkah ke depan meninggalkan Pujangga Baru dalam ideologi penulisannya. Dengan membandingkan puisi Chairil Anwar dengan puisi Amir Hamzah perlihatkan kewajaran pernyataan di atas.
6. Pilih salah seorang daripada penyair-penyair di bawah dan bincangkan keterampilannya dalam dunia persajakan Indonesia.
 - [a] Ajip Rosidi
 - [b] Toeti Heraty
 - [c] Subagio Sastrowardojo.
7. Puisi W. S. Rendra memperlihatkan pelbagai suasana hati (*mood*), nada, bentuk dan pembawaan (*temperament*). Dengan contoh-contoh yang jelas bincangkan keistimewaan penyair ini.
8. Penulisan puisi yang bertemakan pengalaman kerohanian menjadi satu kecenderungan baharu dalam perkembangan kesusasteraan mutakhir di Indonesia. Bincangkan pencapaian seorang penyair pilihan anda.